

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

**EAA 483/2 – Pengurusan Binaan**

Masa : 3 jam

---

**Arahan Kepada Calon:**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **LIMA** (5) soalan. Jawab **SEMUA SOALAN**.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Selepas proses penerimaan tender maka proses berikutnya adalah penilaian tender. Huraikan faktor-faktor yang perlu diambilkira semasa membuat penilaian tender agar kontrak kerja yang diberikan mencapai sasaran. (8 markah)
- (b) Kitar hayat untuk sesuatu projek pembinaan mengandungi beberapa fasa tertentu untuk membolehkan projek dijalankan dengan lancar. Dengan melukiskan carta Bar untuk setiap fasa, huraikan mengenai aktiviti atau tindakan yang terlibat pada fasa-fasa berkaitan. (12 markah)
2. (a) Salah satu kontrak yang biasa digunakan dalam industri pembinaan ialah kontrak berdasarkan jadual kuantiti bahan. Bincangkan dengan ringkas mengenai kebaikan kontrak jenis ini. (4 markah)
- (b) Dalam mesyuarat tapak sesuatu projek, semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek akan dipanggil untuk menghadirinya. Huraikan dengan ringkas perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tapak. (4 markah)
- (c) Program kerja biasanya disediakan oleh kontraktor dan keperluan ini dimasukkan kedalam syarat kontrak. Program ini juga perlu mendapat kelulusan pegawai penguasa. Huraikan perkara-perkara penting yang perlu diambilkira semasa menyediakan program kerja. (6 markah)
- (d) Jadual 1.0 menunjukkan aktiviti yang perlu dijalankan untuk membina sebuah struktur. Berdasarkan Jadual 1.0, lukiskan rajah anak panah yang sesuai.

**Jadual 1.0**

Aktiviti	Pendulu	Pengikut
A	-	I
B	-	H
C	-	F
D	-	E
E	D	F
F	C,E	G
G	F	H
H	B,G	I
I	A,H	-

(6 markah)

3. (a) Jadual 2.0 menunjukkan aktiviti yang telah dikenalpasti untuk sebuah projek. Berdasarkan butir-butir dalam Jadual 2.0, lakarkan rajah yang lengkap untuk laluan hadapan dengan permulaan awal untuk A, B dan C ialah 1.

**Jadual 2.0**

Aktiviti	Pendahulu	Pendepan	Tempoh
A	-	D,E	3
B	-	G,H	2
C	-	F	1
D	A	I	4
E	A	G	4
F	C	H	3
G	B,E	J	5
H	B,F	-	5
I	D	-	1
J	G	-	2

(10 markah)

- (b) Jelaskan **LIMA (5)** pendekatan fizikal yang boleh dilakukan untuk mencapai keselamatan dan kesihatan di dalam pembinaan.

(10 markah)

4. (a) Nyatakan apakah pengurusan nilai dalam kejuruteraan dan peranannya di dalam projek pembinaan.

(5 markah)

- (b) Bincangkan fasa pelan kerja Dell' Isola untuk pelan kerja pengurusan nilai.

(10 markah)

- (c) Jelaskan tentang kos kitaran hayat dan kepentingannya dalam pengurusan nilai.

(5 markah)

5. (a) Bincangkan elemen dalam kualiti yang terdiri dari ciri kualiti, rekabentuk kualiti dan kualiti pematuhan.

(10 markah)

- (b) Bincangkan tentang organisasi yang terlibat di dalam jaminan kualiti dan konflik yang mungkin berlaku diantara organisasi yang terlibat.

(10 markah)